

# Futsal Kebangsaan Felda-FAM 2011/2012: UMS belasah DBKU Sarawak 11-0

UB 14.02.2012 A16

KOTA KINABALU: Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) FC berpesta gol lagi dengan membenamkan DBKU Sarawak 11-0 pada persaingan Kumpulan B Wanita Kejohanan Futsal Kebangsaan Felda-FAM 2011/2012 di Kompleks Sukan Triways Shah, Alam Ahad lalu.

Sherilyn Elly Pius mencatat jaringan hatrik manakala Haindee Mosroh dan Dadree Rofinus masing-masing menyumbangkan dua gol sementara masing-masing satu gol dari Masturah Majid, Leoni Vitus, Sihaya Ajad dan Uslizah Osman.

Ia merupakan kemenangan kelima dari enam perlawanan yang diharungi skuad bimbingan Mohd Asyraf Fong tersebut di mana sehari sebelum itu mereka juga berkenduri gol dengan membelasah Terengganu Permaisuri 12-0.

Sebelum itu, UMS FC menang 9-2 ke atas KL Putra Ria, menundukkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 7-1 dan mengalahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 7-0.

Kekalahan tunggal UMS FC adalah di tangan pendahulu kumpulan; Selangor MPSJ FC dengan keputusan 0-3.

Kedudukan terkini carta liga belum diperolehi tetapi UMS FC dipercayai masih berpeluang mencabar Selangor MPSJ untuk kedudukan teratas dengan syarat ia menang besar manakala MPSJ kalah pada perlawanan terakhir 26 Februari ini.

UMS FC akan menamatkan cabaran peringkat kumpulan menentang UiTM FC manakala Selangor MPSJ akan berhadapan dengan PDRM.

UMS FC dan Selangor MPSJ adalah antara dua dari empat pasukan yang diperuntukkan dari setiap kumpulan telah mengesahkan tempat ke pusingan akhir kejohanan tersebut.

Kejohanan itu turut disertai pasukan wanita dan lelaki negeri Sabah yang masing-masing bersaing dalam Kumpulan A.

Pasukan wanita Sabah yang juga telah mengesahkan tempat ke pusingan akhir manakala nasib pasukan lelaki akan bergantung kepada keputusan perlawanan terakhir 25 Februari ini.